prasarana

Syarikat Prasarana Negara Berhad (467220-U)
B-20-1, Level 20, Menara UOA Bangsar, No.5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur.
Tel : 603-2299 1999 / 2287 5959 Fax : 603-2299 1919 Website : www.prasarana.com.my

Rujukan Kami : PRASARANA/IS/WCD/0582-2011/MAR/afz

Tarikh : 12 DEC 2011

Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

YBhg. Dato',

**PER: PERMOHONAN KELULUSAN BAGI MELANTIK KONTRAKTOR KERJA SISTEM UNTUK "THE ENGINEERING, PROCUREMENT, CONSTRUCTION, TESTING AND COMMISSIONING OF SYSTEM WORKS FOR THE AMPANG (AMG) LINE EXTENSION PROJECT" DAN KEBENARAN UNTUK MENGELUARKAN SURAT SETUJU TERIMA**

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

1. Surat ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan dari Kementerian Kewangan Malaysia berikutan dari keputusan Lembaga Pengarah Prasarana yang telah bermesyuarat pada 2 Disember 2011 untuk melantik Kontraktor Kerja Sistem bagi kerja "The Engineering, Procurement, Construction, Testing And Commissioning Of System Works For The Ampang Line (AMG) Line Extension Project" dan kebenaran untuk mengeluarkan Surat Setuju Terima.

2. **Keputusan Lembaga Pengarah Prasarana**

Lembaga Pengarah Prasarana pada mesyuarat yang sama telah menilai dan memperakukan cadangan pihak pengurusan Prasarana untuk mencadangkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia agar PDA Consortium dilantik sebagai :

a) Kontraktor Kerja Sistem bagi kerja "The Engineering, Procurement, Construction, Testing And Commissioning Of System Works For The Ampang Line (AMG) Line Extension Project" dengan Harga Kontrak berjumlah Ringgit Malaysia : Satu Bilion Seratus Sembilah Belas Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh Sembilan Sahaja (RM 1,119,970,599.00) dengan Tempoh Siap Kerja selama Empat Puluh Empat (44) bulan.

4.2 Butiran Keputusan Penilaian Teknikal dan Kewangan adalah seperti di Lampiran "A" dan "B".

Jadual 2 : Ringkasan Keputusan Penilaian Tender

| Penender | | Harga Tender* (RM) | Syarat tambahan daripada Penender | Pematuhan kepada Syarat-Syarat Kontrak | Markah Teknikal (70%)** | Markah Kewangan (30%)** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Nama Syarikat | | | | | |
| 4/8 | Balfour Beatty-Invensys Consortium | 1,012,910,000.00 | ▪ 30% untuk liabiliti agregat keseluruhan<br>▪ 15% untuk gantirugi kelewatan | **Tidak Mematuhi** | 56.07 | 30.00 |
| 1/8 | PDA Consortium | 1,196,072,112.00 | Tiada | Mematuhi | 35.62 | 30.00 |
| 7/8 | WGET Consortium | 1,239,765,760.00 | Tiada | Mematuhi | 46.10 | 30.00 |
| 8/8 | Siemens Scomi Hisniaga Consortium (SSHC) | 1,266,397,982.00 | ▪ 50% untuk liabiliti agregat keseluruhan<br>▪ 15% untuk gantirugi kelewatan<br>▪ 20% untuk lain-lain kerugian/ penalti | **Tidak Mematuhi** | 48.19 | 25.50 |
| 5/8 | Konsortium CMC-COLAS-UNIWAY | 1,454,205,630.09 | 50% untuk liabiliti agregat keseluruhan | **Tidak Mematuhi** | 36.30 | 26.40 |
| 3/8 | George Kent - Lion Pacific JV | 1,180,037,624.00 | Permintaan bagi kajian semula "Agreed Disruption Damages" (yang telah ditetapkan pada 50% dalam syarat-syarat kontrak) | **Tidak Mematuhi** | 38.62 | 8.70 **(Gagal)** |
| 6/8 | KELAS (Konsortium Emrail Leighton Ansaldo STS) | 1,371,763,933.01 | Permintaan untuk menghadkan (capped) agregat 'damages' dan liabiliti , 'consequential damages', ganti rugi khas atau tidak langsung | **Tidak Mematuhi** | 50.91 | 9.30 **(Gagal)** |

| Penender | | Harga Tender* (RM) | Syarat tambahan daripada Penender | Pematuhan kepada Syarat-Syarat Kontrak | Markah Teknikal (70%)** | Markah Kewangan (30%)** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Nama Syarikat | | | | | |
| 2/8 | SNC-Lavalin Consortium | 1,449,097,337.00 | 10% untuk liabiliti agregat keseluruhan | **Tidak Mematuhi** | 30.53 (Gagal) | 30.00 |
| PTE | Anggaran Harga Pra-Tender (PTE) | 1,897,561,738.46 | | | | |

* Harga Tender termasuk Harga Membekal 'Train Borne Equipment'
** Markah lulus bagi Penilaian Teknikal ialah 35% dan Penilaian Kewangan ialah 15%.

4.3 Lima (5) daripada kesemua lapan (8) Penender telah memperolehi status lulus bagi kedua-dua penilaian Teknikal dan Kewangan. Penender-penender tersebut adalah seperti berikut:

a) Penender 4/8 - Balfour Beatty-Invensys Consortium
b) Penender 1/8 - Konsortium PDA
c) Penender 7/8 - Konsortium WGET
d) Penender 8/8 - Siemens Scomi Hisniaga Consortium (SSHC)
e) Penender 5/8 - Konsortium CMC-COLAS-UNIWAY

4.4 Tiga (3) daripada lapan (8) Penender telah didapati gagal di dalam penilaian tender samada Teknikal atau Kewangan :

a) Penender 2/8 (SNC-Lavalin Consortium)
b) Penender 3/8 (George Kent-Lion Pacific JV) dan
c) Penender 6/8 (Konsortium Emrail Leighton Ansaldo STS (KELAS).

4.5 Berdasarkan kepada lima (5) Penender yang lulus bagi kedua-dua penilaian Teknikal dan Kewangan, hanya dua (2) Penender yang mematuhi syarat-syarat Kontrak sepenuhnya.

b) Pembekal Dinamakan untuk 'Train Borne Equipment' kepada Kontraktor Light Rail Vehicle (LRV) dan Kontraktor Ubahsuai LRV yang akan dilantik kelak dengan Harga Kontrak berjumlah Ringgit Malaysia : Tujuh Puluh Enam Juta Seratus Satu Ribu Lima Ratus Tiga Belas Sahaja (RM 76,101,513.00)

Perincian dan analisa tawaran harga serta keputusan Lembaga Pengarah Prasarana adalah seperti dinyatakan di Lampiran.

3. Berdasarkan kepada penjelasan di atas dan keputusan Lembaga Pengarah Prasarana, kami dengan ini memohon pertimbangan dan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia untuk melaksanakan saranan di atas.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,
SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD

DATO' SHAHRIL MOKHTAR
Pengarah Urusan Kumpulan

s.k.

1. YBhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
   Ketua Setiausaha Perbendaharaan
   Kementerian Kewangan Malaysia

2. YBhg. Tan Sri Ismail Adam
   Pengerusi Kumpulan, Syarikat Prasarana Negara Berhad